BANKRAKYAT
بيڠک رعية
Bank Pilihan Anda

# TERMA DAN SYARAT CABUTAN HADIAH RIZQ PLUS

## A. Kelayakan dan Mekanisme Cabutan Hadiah

1. Cabutan Hadiah ini terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada Akaun Pelaburan-i Rizq Plus (Rizq Plus) (individu, akaun bersama dan amanah).
2. Hanya akaun yang aktif layak untuk menyertai Cabutan Hadiah.
3. Akaun pendam, pemilik akaun telah muflis, meninggal dunia atau akaun yang dibekukan tidak layak untuk menyertai Cabutan Hadiah.
4. Kecuali dinyatakan sebaliknya, Cabutan Hadiah terbuka kepada semua pemegang akaun kecuali warga kerja Bank Rakyat yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan pemenang dan pengurusan cabutan hadiah.
5. Kelayakan cabutan hadiah adalah tertakluk pada kelulusan Bank Rakyat sepenuhnya dan juga Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
6. Pelanggan/pemegang akaun yang layak perlu membuat pelaburan mengikut syarat yang ditetapkan untuk layak menyertai Cabutan Hadiah dan berpeluang memenangi kategori cabutan seperti yang dinyatakan di bawah:

| **Kategori Cabutan** | **Tarikh Cabutan** | **Kriteria Utama** | **Jumlah Pelaburan Kelayakan** (Baki Purata Bulanan) | ***Pelabur Konsisten (Pindahan Dana Automatik (AFT) / Potongan Berjadual)** |
|---|---|---|---|---|
| Cabutan Bonanza Mingguan | Mingguan | ▪ Baki Purata Bulanan RM100 | RM100 = 1 unit kelayakan | Tidak berkenaan |
| Cabutan Ganjaran Belia Mingguan | Mingguan | ▪ Pelanggan berumur 18–30 tahun<br>▪ Baki Purata Bulanan RM100 | RM100 = 1 unit kelayakan | Tidak berkenaan |
| Cabutan Bulanan | Bulanan | ▪ Baki Purata Bulanan RM100 | RM100 = 1 unit kelayakan | Layak 3X Unit Kelayakan |
| Cabutan Negeri | Bulanan | ▪ Baki Purata Bulanan RM100<br>▪ Akaun dibuka di negeri terpilih | RM100 = 1 unit kelayakan | Layak 3X Unit Kelayakan |
| Cabutan Pindahan Gaji | Bulanan | ▪ Gaji dikreditkan ke Akaun Pelaburan-i Rizq Plus<br>▪ Baki Purata Bulanan RM100 | RM100 = 1 unit kelayakan | Tidak berkenaan |
| Cabutan Perayaan | Bulan perayaan (Tahun | ▪ Baki Purata Bulanan RM100 | RM100 = 1 unit kelayakan | Tidak berkenaan |

| **Kategori Cabutan** | **Tarikh Cabutan** | **Kriteria Utama** | **Jumlah Pelaburan Kelayakan** (Baki Purata Bulanan) | ***Pelabur Konsisten (Pindahan Dana Automatik (AFT) / Potongan Berjadual)** |
|---|---|---|---|---|
| | Baharu Cina, Hari Raya dan Deepavali) | | | |
| Cabutan Ulang Tahun Bank Rakyat | September | ▪ Akaun dibuka minimum 3 bulan<br>▪ Baki Purata Bulanan RM1,000 | RM1,000 = 1 unit kelayakan | Layak 3X Unit Kelayakan |
| Cabutan Pelabur Baharu | Januari, April, Julai dan Oktober | ▪ Akaun dibuka dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh cabutan<br>▪ Baki Purata Bulanan RM1,000 | RM1,000 = 1 unit kelayakan | Layak 3X Unit Kelayakan |
| Cabutan Anggota Bank Rakyat | Jun dan Disember | ▪ Anggota Bank Rakyat<br>▪ Akaun dibuka minimum 6 bulan<br>▪ Baki Purata Bulanan RM1,000 | RM1,000 = 1 unit kelayakan | Layak 3X Unit Kelayakan |
| Cabutan Wanita | Mac | ▪ Pelanggan Wanita<br>▪ Akaun dibuka minimum 3 bulan<br>▪ Baki Purata Bulanan RM1,000 | RM1,000 = 1 unit kelayakan | Layak 3X Unit Kelayakan |
| Cabutan Belia | Jun | ▪ Pelanggan berumur 18–30 tahun<br>▪ Akaun dibuka minimum 3 bulan<br>▪ Baki Purata Bulanan RM500 | RM500 = 1 unit kelayakan | Layak 3X Unit Kelayakan |
| Cabutan Xclusive Platinum | Disember | ▪ Ahli Rakyat Xclusive<br>▪ Prasyarat: Baki penutup bulan November RM100,000 dan ke atas<br>▪ Baki Purata Bulanan RM1,000 | RM1,000 = 1 unit kelayakan | Tidak berkenaan |
| Cabutan Rizq 50+ | Februari, Mei, Ogos, November | ▪ Pelanggan berumur 50 tahun ke atas<br>▪ Akaun dibuka minimum 3 bulan<br>▪ Baki Purata Bulanan RM1,000 | RM1,000 = 1 unit kelayakan | Tidak berkenaan |
| Cabutan Jutawan Utama | Januari | ▪ Akaun dibuka minimum 3 bulan<br>▪ Baki Purata Bulanan RM5,000 | RM5,000 = 1 unit kelayakan | Tidak berkenaan |
| Cabutan Jutawan | April, Julai, Oktober | | RM5,000 = 1 unit kelayakan | Tidak berkenaan |

## B. <u>Pengiraan Unit Kelayakan</u>

1. Pelanggan memperoleh unit kelayakan cabutan hadiah berdasarkan perkara berikut:

   a. Cabutan Biasa

<table>
<tr><td>Jenis Cabutan</td><td>
<table>
<tr><th>No</th><th>Kategori Cabutan</th><th>Jumlah Kelayakan Pelaburan<br>(Baki Purata Bulanan)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Cabutan Bonanza Mingguan</td><td>RM100 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Cabutan Ganjaran Belia Mingguan</td><td>RM100 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Cabutan Bulanan</td><td>RM100 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Cabutan Negeri</td><td>RM100 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Cabutan Pindahan Gaji</td><td>RM100 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Cabutan Perayaan</td><td>RM100 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Cabutan Ulang Tahun Bank Rakyat</td><td>RM1,000 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Cabutan Pelabur Baharu</td><td>RM1,000 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Cabutan Anggota Bank Rakyat</td><td>RM1,000 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Cabutan Wanita</td><td>RM1,000 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Cabutan Belia</td><td>RM500 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>Cabutan Xclusive Platinum</td><td>RM1,000 = 1 unit kelayakan</td></tr>
<tr><td>13.</td><td>Cabutan Rizq 50+</td><td>RM1,000 = 1 unit kelayakan</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Formula</td><td>Unit Kelayakan = Baki Purata Bulanan/Jumlah Kelayakan Pelaburan</td></tr>
<tr><td>Baki Purata Bulanan</td><td>
<table>
<tr><td>Baki Purata Bulanan (MAB)</td><td>=</td><td>Jumlah Baki Harian/Bilangan Hari dalam Sebulan</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| | Baki Purata Bulanan digunakan untuk menentukan kelayakan bagi setiap cabutan berdasarkan baki akaun bulan sebelumnya.<br>Contoh : Baki untuk bulan Januari akan digunakan untuk cabutan yang dijalankan pada bulan Februari. |
| Jumlah Kelayakan Pelaburan | Baki Purata Bulanan (MAB) minimum yang diperlukan untuk memperoleh 1 unit kelayakan. |
| Contoh Pengiraan | (see table below)<br>**Pengiraan Unit Kelayakan:**<br>RM10,000 ÷ RM100 = **100 Unit Kelayakan** |

| Item | Butiran |
|---|---|
| Kategori Cabutan Hadiah | Cabutan Bulanan |
| Baki Purata Bulanan | RM10,000 |
| Jumlah Kelayakan Pelaburan | RM100 = 1 unit kelayakan |

b. Cabutan Jutawan Utama dan Cabutan Jutawan

Jenis Cabutan

| No | Kategori Cabutan | Jumlah Kelayakan Pelaburan (Baki Purata Bulanan) |
|---|---|---|
| 1. | Cabutan Jutawan Utama | RM5,000 = 1 unit kelayakan |
| 2. | Cabutan Jutawan | RM5,000 = 1 unit kelayakan |

| | |
|---|---|
| Formula | Unit Kelayakan : Baki Purata Bulanan × Pemberat/Jumlah Kelayakan Pelaburan |
| Baki Purata Bulanan | (see table below)<br>Baki Purata Bulanan digunakan untuk menentukan kelayakan bagi setiap cabutan berdasarkan baki akaun bulan sebelumnya. |

| Baki Purata Bulanan (MAB) | = | Jumlah Baki Harian Bilangan Hari dalam Sebulan |
|---|---|---|

<table>
<tr><td></td><td>Contoh : Baki untuk bulan Januari akan digunakan untuk cabutan yang dijalankan pada bulan Februari.</td></tr>
<tr><td>Jumlah Kelayakan Pelaburan</td><td>Baki Purata Bulanan (MAB) minimum yang diperlukan untuk memperoleh 1 unit kelayakan.</td></tr>
<tr><td>Struktur Pemberat</td><td>
<table>
<tr><th>*Tempoh</th><th>Pemberat (Weightage)</th></tr>
<tr><td>> 5 Tahun<br>(> 72 Bulan)</td><td>5</td></tr>
<tr><td>3 - 5 Tahun<br>(36 – 71 Bulan)</td><td>4</td></tr>
<tr><td>1 - 2 Tahun<br>(12 - 35 Bulan)</td><td>2</td></tr>
<tr><td>3 - 12 Bulan</td><td>1</td></tr>
</table>
*Nota : Tempoh Pembukaan Akaun</td></tr>
<tr><td>Contoh Pengiraan</td><td>
<table>
<tr><th>Item</th><th>Butiran</th></tr>
<tr><td>Tarikh Pembukaan Akaun</td><td>15/8/2022</td></tr>
<tr><td>Tarikh Cabutan</td><td>15/3/2026</td></tr>
<tr><td>Tempoh Pembukaan Akaun</td><td>43</td></tr>
<tr><td>Baki Purata Bulanan</td><td>10,000</td></tr>
<tr><td>Pemberat (Weightage)</td><td>4</td></tr>
</table>
Pengiraan Unit Kelayakan:<br>
Unit Kelayakan : Baki Purata Bulanan × Pemberat / Jumlah Kelayakan Pelaburan<br><br>
RM10,000 x 4 / RM5,000<br>
= 8 Unit Kelayakan</td></tr>
</table>

**Nota:**

a) Tambahan 3X Unit Kelayakan

Pelanggan yang mendaftar Pindahan Dana Automatik (AFT) melalui kaunter atau Potongan Berjadual melalui iRakyat daripada Akaun Simpanan-i atau Akaun

Semasa-i ke Akaun Pelaburan-i Rizq Plus mereka akan menerima tiga (3) kali ganda unit kelayakan tambahan bagi cabutan hadiah yang berkenaan.

Contoh:

Seorang pelanggan mengekalkan baki purata bulanan sebanyak RM5,000 dalam Akaun Pelaburan-i Rizq Plus:

- Unit Kelayakan bagi Cabutan Bulanan:
  RM5,000 ÷ RM100 = 50 unit kelayakan
- Dengan AFT / Potongan Berjadual (3× unit kelayakan) :
  50 unit × 3 = 150 unit kelayakan tambahan
- Jumlah unit kelayakan untuk cabutan: **150 unit**

b) Cabutan Pindahan Gaji

Untuk Cabutan Pindahan Gaji, pelanggan yang menerima gaji menerusi Akaun Pelaburan-i Rizq Plus perlu melengkapkan *Borang Pengisytiharan Pindahan Gaji* di mana-mana cawangan Bank Rakyat bagi membolehkan akaun ditandakan untuk kelayakan cabutan hadiah.

## C. Hadiah

1. Hadiah yang ditawarkan bagi setiap kategori cabutan bagi pelanggan yang layak adalah seperti berikut:

| Bil | Kategori Cabutan | Tarikh Cabutan | Hadiah | Bil Pemenang |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Cabutan Bonanza Mingguan | Mingguan | RM500<br>RM300 | 7 Pemenang<br>15 Pemenang |
| 2. | Cabutan Ganjaran Belia Mingguan | Mingguan | *Earbud* JBL<br>Baucar Decathlon<br>Botol Air Montigo | 1 Pemenang<br>2 Pemenang<br>4 Pemenang |
| 3. | Cabutan Bulanan | Bulanan | RM20,000<br>RM15,000<br>RM10,000<br>RM5,000<br>RM1,000<br>RM200 | 1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>2 Pemenang<br>15 Pemenang<br>200 Pemenang |
| 4. | Cabutan Negeri | Bulanan | RM10,000 | 1 Pemenang |

| Bil | Kategori Cabutan | Tarikh Cabutan | Hadiah | Bil Pemenang |
|---|---|---|---|---|
| | | | RM5,000<br>RM1,000<br>RM500<br>RM300<br>RM200<br>RM100 | 1 Pemenang<br>3 Pemenang<br>5 Pemenang<br>20 Pemenang<br>50 Pemenang<br>150 Pemenang |
| 5. | Cabutan Pindahan Gaji | Bulanan | RM10,000<br>RM5,000<br>RM3,000<br>RM1,000<br>RM500<br>RM300 | 1 Pemenang<br>2 Pemenang<br>2 Pemenang<br>5 Pemenang<br>50 Pemenang<br>150 Pemenang |
| 6. | Cabutan Perayaan | Bulan perayaan (Tahun Baharu Cina, Hari Raya & Deepavali) | RM20,000<br>RM5,000<br>RM1,000<br>RM500 | 1 Pemenang<br>3 Pemenang<br>25 Pemenang<br>30 Pemenang |
| 7. | Cabutan Ulang Tahun Bank Rakyat | September | RM100,000<br>RM3,000<br>RM1,500<br>RM1,000 | 1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>1 Pemenang |
| 8. | Cabutan Pelabur Baharu | Januari, April, Julai dan Oktober | RM10,000<br>RM5,000<br>RM1,000<br>RM300<br>RM100 | 1 Pemenang<br>2 Pemenang<br>10 Pemenang<br>100 Pemenang<br>200 Pemenang |
| 9. | Cabutan Anggota Bank Rakyat | Jun dan Disember | RM100,000<br>RM50,000<br>RM25,000<br>RM5,000<br>RM1,000 | 1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>7 Pemenang<br>20 Pemenang |
| 10. | Cabutan Wanita | Mac | Baucar emas bernilai RM30,000<br>Baucar emas bernilai RM25,000<br>Baucar emas bernilai RM15,000<br>Baucar beli belah bernilai RM5,000<br>Penyedut Hampagas Dyson | 1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>4 Pemenang<br>5 Pemenang<br>5 Pemenang |
| 11. | Cabutan Belia | Jun | MacBook Pro<br>iPhone<br>iPad<br>Apple Watch | 5 Pemenang<br>5 Pemenang<br>6 Pemenang<br>8 Pemenang |

| Bil | Kategori Cabutan | Tarikh Cabutan | Hadiah | Bil Pemenang |
|---|---|---|---|---|
| 12. | Cabutan Xclusive Platinum | Disember | RM100,000<br>eGold bernilai RM50,000<br>eGold bernilai RM10,000<br>eGold bernilai RM5,000 | 1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>5 Pemenang<br>20 Pemenang |
| 13. | Cabutan Rizq 50+ | Februari, Mei, Ogos, November | eGold bernilai RM50,000<br>eGold bernilai RM25,000<br>eGold bernilai RM15,000<br>eGold bernilai RM2,000 | 1 Pemenang<br>1 Pemenang<br>3 Pemenang<br>15 Pemenang |
| 14. | Cabutan Jutawan Utama | Januari | RM1,000,000<br>eGold bernilai RM250,000<br>eGold bernilai RM30,000<br>Pakej Percutian bernilai RM25,000<br>Pakej Percutian bernilai RM12,500 | 1 Pemenang<br>3 Pemenang<br>4 Pemenang<br>2 Pemenang<br>2 Pemenang |
| 15. | Cabutan Jutawan | April, Julai, Oktober | RM1,000,000 | 1 Pemenang |

2. Tarikh cabutan bagi Cabutan Hadiah Rizq Plus adalah seperti berikut

| Bulan Cabutan | Data Cabutan<br>(Baki Purata Bulanan) | Tarikh Cabutan |
|---|---|---|
| Januari | Disember | 15 Januari |
| Februari | Januari | 15 Februari |
| Mac | Februari | 15 Mac |
| April | Mac | 15 April |
| Mei | April | 15 Mei |
| Jun | Mei | 15 Jun |
| Julai | Jun | 15 Julai |
| Ogos | Julai | 15 Ogos |
| September | Ogos | 15 September |
| Oktober | September | 15 Oktober |
| November | Oktober | 15 November |
| Disember | November | 15 Disember |

**Nota :**

- Cabutan dijadualkan pada 15 hari bulan setiap bulan.
- Sekiranya 15 hari bulan jatuh pada hari bukan bekerja atau cuti umum, cabutan akan dijalankan pada hari bekerja berikutnya.

- Tarikh cabutan adalah tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank.

3. Hadiah yang ditawarkan ini tidak boleh ditebus atau ditukar dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang mestilah menerima hadiah seperti sedia ada (“as it is”).
4. Bank Rakyat berhak menggantikan hadiah cabutan kepada hadiah alternatif atau wang tunai yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau apa-apa hadiah yang dianggap sesuai sekiranya hadiah yang dimenangi tersebut tidak dapat diperolehi atau di luar kawalan Bank Rakyat dengan memberi notis terdahulu kepada pemenang.
5. Bank Rakyat berhak mengubah atau menghentikan cabutan hadiah untuk sementara waktu atau selamanya, dengan atau tanpa memberitahu notis makluman atas sebab-sebab yang tertentu.
6. Sejurus menerima hadiah, pemenang hadiah dinasihatkan untuk menyemak dan juga bertanggungjawab untuk sebarang cukai yang mungkin dikenakan.

## D. Pemilihan Pemenang

1. Pemilihan pemenang akan ditentukan oleh Bank Rakyat melalui jawatankuasa cabutan hadiah yang ditubuhkan oleh Bank. Cabutan akan dijalankan secara rawak menggunakan sistem berkomputer.
2. Bank Rakyat berhak untuk membatalkan keputusan cabutan/pemilihan pemenang sekiranya berlaku perkara-perkara berikut:

   a) Pemenang mempunyai sebarang tunggakan, kemungkiran atau tindakan guaman terhadap mana-mana kemudahan atau pembiayaan sedia ada dengan Bank Rakyat

   b) Pemenang berstatus muflis atau tidak waras atau meninggal dunia
3. Semua keputusan adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.

## E. Pengumuman Pemenang

1. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), panggilan telefon atau kaedah lain yang ditentukan oleh Bank Rakyat berdasarkan rekod Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh cabutan.

2. Pengumuman pemenang juga akan dipaparkan di laman web rasmi Bank Rakyat: www.bankrakyat.com.my
3. Pemenang cabutan hadiah akan diumumkan pada akhir bulan cabutan dijalankan.
4. Untuk cabutan mingguan, pemenang akan diumumkan setiap Jumaat selepas tarikh cabutan dan akan diteruskan pada setiap hari Jumaat sehingga tarikh cabutan seterusnya.
5. Jika tarikh pengumuman jatuh pada cuti umum atau hari bukan bekerja, pengumuman akan dibuat pada hari bekerja berikutnya.

   **Nota:** Tarikh pengumuman tertakluk pada perubahan mengikut budi bicara Bank.

## F. Tempoh Tuntutan Hadiah

Hadiah Tunai

Hadiah wang tunai akan dikreditkan terus ke Akaun Pelaburan-iRizq Plus pemenang selepas pengumuman rasmi pemenang.

Hadiah Bukan Tunai

1. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), panggilan telefon atau kaedah lain yang ditentukan oleh Bank Rakyat. Sekiranya pemenang tidak memberi maklum balas kepada Bank Rakyat atau gagal dihubungi dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh makluman, hadiah pemenang akan ditarik balik dan Bank berhak memilih pemenang lain.
2. Bank berhak untuk meminta dokumen pengenalan diri atau bukti kelayakan terutama kepada wakil sah/pentadbir yang menuntut hadiah bagi pihak pemenang.
3. Sekiranya tiada apa-apa maklum balas, Bank berhak untuk memilih pemenang lain.

## G. Terma dan Syarat Am

1. Dengan menyertai cabutan hadiah ini, pelanggan secara nyata bersetuju dan bersetuju membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh

Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my

2. Pelanggan bersetuju untuk memberikan hak eksklusif kepada Bank Rakyat untuk mencetak dan menerbitkan nama dan gambar untuk tujuan promosi di akhbar, majalah, laman web korporat Bank atau mana-mana saluran yang sesuai yang ditetapkan oleh Bank.
3. Dengan menyertai cabutan ini, pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan penggunaan promosi nama pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi perdagangan, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media yang dirancang sekarang atau selepas ini, tanpa pampasan lanjut, melainkan dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman web Bank atau mana-mana medium komunikasi lain yang sesuai dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan/diterbitkan.
5. Bank Rakyat berhak untuk menolak dan/atau mengeluarkan mana-mana penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan, kerosakan yang berkaitan dengan karya seni atau pembayaran kepada pemenang.
7. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan dalam borang penyertaan, pemberitahuan atau sebarang surat-menyurat sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang sesuai.
8. **PENAFIAN: TERTAKLUK SEJAUH YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MANA-MANA PELANGGAN (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARI KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU,SENGAJA,FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT)ATAS SEBARANG KERUGIAN LANGSUNG, TIDAK**

**LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, AKIBAT ATAU KEROSAKAN CONTOH (TERMASUK KEHILANGAN, KEGUNAAN) ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PELANGGAN DALAM CABUTAN INI, SAMA ADA LIABILITI AKAN TIMBUL DARIPADA SEBARANG TUNTUTAN BERDASARKAN KONTRAK, WARANTI, TORT (TERMASUK KECUAIAN), TANGGUNGJAWAB KETAT ATAU LAIN-LAIN OLEH PEKERJA YANG TINGGAL, DAN PEKERJA TANPA KERJA KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**

9. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak atau wabak, kegagalan sistem atau sebarang keadaan di luar kawalan Bank.
10. Dengan menyertai Cabutan ini, pelanggan secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan Bank Rakyat yang muktamad, mengikat dan konklusif.
11. Terma dan Syarat akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang di Malaysia. Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi Pusat Perhubungan Bank Rakyat di 1300 80 5454; atau kunjungi cawangan Bank Rakyat terdekat; atau layari www.bankrakyat.com.my